

10/03/2003

Had maksimum laju 120 km/j bukan alasan untuk berlumba

Nik Nor Ahmarizam Nik Ahmad

MALAYSIA mengecapi nikmat kemerdekaan selama 45 tahun. Sepanjang tempoh itu, pucuk kepimpinan negara silih berganti dan Malaysia terus maju di bawah teraju Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia berjaya menyediakan prasarana terbaik untuk rakyat, termasuk jalan raya. Pembinaan lebuhraya juga adalah usaha kerajaan bukan saja bagi memudahkan perhubungan rakyat, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

Rakyat kini berkongsi kemewahan yang dinikmati negara kini. Hal ini dapat dibuktikan apabila kerajaan 'menghadihkan' sebuah lebuhraya baru kepada rakyat negeri Kelantan.

Lebuhraya yang baru siap dibina itu menghubungkan persimpangan Jalan Pasir Hor-Wakaf Che Yeh hingga Jambatan Pasir Mas-Salor/Tendong.

Rakyat Kelantan sewajarnya berterima kasih kepada Perdana Menteri atas hadiah istimewa itu. Kini, pelancong dari dalam dan luar Kelantan tidak perlu lagi mengambil masa yang lama untuk ke pekan Rantau Panjang atau Pasir Mas.

Pada 5 Mac lalu pula, kerajaan mengumumkan akan menaikkan kadar had laju

di lebuhraya daripada 110 kilometer sejam (km/j) sekarang kepada 120 km/j

yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata standard pembinaan lebuhraya di Malaysia kini mencapai kualiti tinggi dari segi kejuruteraan dan keselamatan.

Selain itu, Jabatan Kerja Raya mengesahkan keselamatan lebuhraya di Malaysia berasaskan piawai yang ditetapkan. Secara rasionalnya, keputusan itu adalah suatu rahmat kepada pengguna lebuhraya. Jika sebelum ini pengguna sering merungut lantaran had laju maksimum di lebuhraya hanya 110 km/j tetapi kini berita baik itu pastinya menggembirakan banyak pihak.

Kita juga menyedari kemampuan negara mengeluarkan pelbagai kenderaan, sekali gus menggalakkan rakyat membeli kereta buatan Malaysia.

Rakyat Malaysia kini mampu memiliki kereta Proton Saga, Wira, Satria, Waja, Kancil dan Kenari.

Sesungguhnya kereta keluaran tempatan mempunyai keupayaan enjin setanding dengan kereta import.

Mengikut perangkaan Ops Sikap IV, kadar kemalangan maut di lebuhraya hanya 10 peratus daripada 5,801 kemalangan yang dilaporkan sepanjang operasi itu.

Sehubungan itu, semua pengguna lebuhraya terutama pemilik keretapersendirian tidak wajar menjadikan had laju maksimum 120 km/j di lebuhraya sebagai medan lumba kereta. Ini kerana kita sudah mempunyai litar lumba kereta di Sepang.

Kita perlu menghargai pemberian kerajaan ini dengan penuh kesyukuran. Konsep kesyukuran dalam apa-apa juga pemberian perlu diamalkan oleh semua

kaum di negara kita.

Usahlah kita berdolak-dalik untuk menidakkan had laju maksimum 120 km/j di lebuh raya. Bagi sesetengah pemilik kereta import, had laju 120 km/j belum cukup `power' bagi mereka.

Persoalannya, adakah perlu kita mencabar polis trafik dalam Ops Sikap V, VI, VII dan seterusnya? Anggota polis trafik hanya menjalankan tugas yang diamanahkan oleh kerajaan.

Pengguna lebuh raya yang waras tentunya tidak akan mengingkari had laju maksimum 120 km/j ini. Saman yang dikeluarkan ialah hadiah kepada kebodohan segelintir pengguna lebuh raya. Ia juga penyebab utama berlakunya kemalangan maut.

Kadar kemalangan di lebuh raya akan terus meningkat jika kita culas mematuhi peraturan hadlaju 120 km/j ini.

Biarpun penguatkuasaan had laju 120 km/j di lebuh raya akan dilaksanakan selepas kerajaan meminda undang-undang dan mewartakannya, pengguna perlu akur akan had laju semasa, iaitu 110 km/j.

Mencabar undang-undang lalu lintas ibarat menempah kecelakaan kepada diri sendiri.

Kita perlu mematuhi segala peraturan jalan raya yang ditetapkan oleh kerajaan.

Slogan `Ingatlah orang yang tersayang' dan `Pandu Cermat Jiwa Selamat' begitu sinonim dan masih relevan bagi pengguna jalan raya Malaysia.

NIK NOR AHMARIZAM NIK AHMAD,  
Kota Bharu, Kelantan.